

# **MITOS HARIMAU DALAM TRADISI LISAN MASYARAKAT KERINCI DI JAMBI, SUMATERA**

## *THE TIGER MYTH IN THE ORAL TRADITION OF THE KERINCI PEOPLE IN JAMBI, SUMATERA*

Hebransyah Usman  
Ulul Azmi  
Zahir Ahmad  
Wan Mohd Dasuki Wan Hasbullah

### **Abstrak**

Wacana mengenai asal-usul dan makna harimau dalam kebudayaan masyarakat Kerinci secara lebih komprehensif masih terlalu jarang untuk ditemui dalam mana-mana kajian. Hal ini membuahkan beberapa kelompangan daripada sudut pandangan dunia masyarakat yang hidup dalam tradisi harimau itu sendiri. Artikel ini akan memberikan penjelasan tentang kedudukan harimau dalam tradisi lisan orang Kerinci di Pulau Tengah, Jambi, iaitu dengan berpandukan pada kisah mitos Bujang Nunggal dan Puteri Harimau Pasemah. Sebagai salah satu hasil kerja pendokumentasian tradisi lisan Kerinci menerusi penelitian lapangan selama beberapa tahun, artikel ini diharap berupaya memberikan satu rekonstruksi awal mengenai asal-usul harimau menurut pandangan dunia orang Kerinci, sehingga memberikan pemahaman dengan lebih jelas mengenai makna harimau dalam tradisi lisan mereka. Berdasarkan penelitian, kisah Bujang Nunggal memperlihatkan kearifan dalam menangani kehidupan bermasyarakat. Pengkisahan mitos tersebut dituang ke dalam acuan ritual mengagah harimau dengan fungsinya untuk menjaga ketertiban sosial. Secara jelas artikel ini menegaskan bahawa tradisi lisan menjadi alat komunikatif yang penting untuk pesanan-pesanan sosial, dengan tujuan untuk menstrukturkan hubungan masyarakat.

**Kata kunci:** tradisi lisan, mitos harimau, mantera, ritual, orang Kerinci.

### **Abstract**

*Comprehensive discourse on the origins and meaning of tiger in the culture of the Kerinci people are hard to come by. This gives rise to gaps in understanding the 'tiger tradition', even from the point of view of the people who are living in the aforesaid tradition. This article will provide a description of the status of the tiger in the oral tradition of the Kerinci people in Pulau Tengah, Jambi, based on the myth of Bujang Nunggal and the Tiger Princess of Pasemah. After several years of fieldwork documentation on oral tradition, this article is expected to offer an early glimpse in reconstructing the origin of the tiger myth according to the worldview of the Kerinci people, so as to ensure that the meaning of tiger in the context of their own oral tradition can be clearly understood. Upon examination, the tale of Bujang Nunggal highlights local wisdom in social interactions. The mythical tale became the essence in the molding of the ritual 'mengagah harimau'; which functions to maintain the social order. As such, this article clearly asserts that the oral tradition of the Kerinci people is an important communicative tool for social reminders which were put in place to ensure structure and social relations within the community.*

**Keywords.** *Oral tradition, tiger myth, incantation, ritual, Kerinci people.*

### **Pendahuluan**

Naratif mengenai mistik harimau pernah dikemukakan oleh beberapa sarjana Kolonial terdahulu. Namun dalam naratif tersebut, mereka tidak menyatakan dengan terperinci tentang kewujudan segala adat, pensyaratan dan ritual yang berkaitan dengan harimau, lebih-lebih lagi dari sudut pemahaman pengamalannya. Pengkaji-pengkaji seperti Skeat (1984) dan Winstedt (1982) misalnya, hanya menekankan sudut kepercayaan mistik orang Melayu tentang magis harimau yang dianggap unik, tanpa melihat asal-usul dan perkaitan makna harimau tersebut dengan anggota masyarakat yang berkenaan. Dari sudut magis dan mistik itu, harimau seringkali dilihat sebagai memiliki fungsi penting dalam perubatan. Hal yang demikian pernah diteliti juga kemudian secara lebih detil oleh Micheal Peletz (1993) dalam kerja lapangannya di salah sebuah daerah di Negeri Sembilan di antara tahun 1978-1980. Kajian yang dilakukan oleh Peletz mungkin antara yang

terakhir menyebut tentang harimau dalam nuansa magis dan mistik orang Melayu.

Memang sudah diketahui sejak awal lagi, bahawa salah satu kelompok yang dirujuk dengan nama suku Kerinci oleh orang Melayu, dikatakan memiliki hubungan yang unik dengan harimau, termasuk juga didakwa memiliki ilmu harimau jadi-jadian. Perkara itu pernah disebut oleh Swettenham (1903). Laporan-laporan dalam nada yang sama, seperti yang telah ditulis oleh Zainal Abidin bin Ahmad (1922, 1925) tambah memperjelaskan lagi deskripsi bahawa tradisi harimau sememangnya mempunyai kaitan dengan kelompok masyarakat Melayu yang berasal dari Pulau Sumatera. Namun begitu, sehingga saat ini penjelasan mengenai tradisi harimau dalam konteks yang lebih khusus masih belum ditemui dalam mana-mana kajian, sehingga ia memberikan kelompangan pula apabila hendak membicarakannya dari sudut pandangan dunia masyarakat yang hidup dalam tradisi tersebut.

Setakat ini, penelitian yang merujuk tentang tradisi harimau, khususnya dalam konteks kebudayaan masyarakat Kerinci hanya mula dilakukan oleh beberapa pengkaji, misalnya Liskha (2007) dan Dedi Haryanto, et al. (2013). Namun, kedua-dua kajian itu lebih tertumpu kepada aspek koreografi tari dan seni persembahan, bukan menghuraikan tentang aspek tekstual dan kontekstual tradisi itu sendiri. Penelitian secara kasar tentang harimau dalam pengertian kebudayaan yang lebih berfokus kepada aspek yang kedua itu pernah dikemukakan oleh Hebransyah, et al. (2013). Beliau mengupas tentang upacara mengagah harimau ataupun disebut sebagai 'ngageng imo', sebagai sejenis ritual yang dilakukan untuk menghormati kematian harimau di hutan yang berpunca daripada pelbagai sebab. Dalam tulisan Hebransyah, dapat diketahui bahawa kewujudan ritual 'ngageng imo' hanya dipraktikkan oleh orang Kerinci di Desa Pulau Tengah sahaja.

Kupasan Hebransyah akan diperdalamkan lagi menerusi artikel ini dengan lebih memberikan penjelasan tentang kedudukan harimau dalam tradisi lisan orang Kerinci di Pulau Tengah, Jambi. Persoalan harimau dalam tradisi lisan tersebut berhubung dengan penegasan hubungan sosial yang telah wujud di kampung mereka sejak dahulu hingga kini. Kepercayaan tentang harimau seperti yang diperteguhkan menerusi mitos tempatan masih kuat, di mana haiwan itu dikatakan memiliki persanakan dengan mereka. Justeru, artikel ini – sebagai suatu dokumentasi – diharap dapat mengemukakan gambaran asas tentang asal-usul harimau menurut kepercayaan orang Kerinci, sehingga ia

memberikan pemahaman dengan lebih jelas pula mengenai makna harimau dalam konteks tradisi lisan mereka. Dalam usaha mengkonstruksi pemahaman tersebut, artikel ini melihat fungsi tradisi lisan sebagai naratif (cerita), lirik (seni kata) dan ritual (seni persembahan) yang memberi impak terhadap nilai informatif, nilai intelektual dan nilai didaktif yang diperlukan oleh orang Kerinci di Desa Pulau Tengah, Jambi.

### **Orang Kerinci Desa Pulau Tengah dan Tradisi Lisan Mengenai Harimau**

Orang Kerinci merupakan sekelompok manusia yang mendiami pusat lingkaran Melayu inti di Pulau Sumatera sejak 35 ribu tahun yang lampau (Idris Djakfar, 2001). Mereka merupakan penduduk asal yang mendiami daerah Kerinci dalam wilayah (provinsi) Jambi, Indonesia. Daerah ini bersempadanan dengan Padang di sebelah barat, sementara di sebelah timurnya pula bersebelahan dengan kota madya Jambi. Ia memiliki keluasan sekitar 42 ribu kilometer persegi dengan purata ketinggian daripada paras laut ialah antara 800 hingga 3805 meter. Sehingga kini, jumlah penduduk yang mendiami daerah Kerinci adalah lebih kurang seramai 350 ribu orang. Desa Pulau Tengah merupakan sebahagian daripada kawasan pemukiman daerah Kerinci. Dengan keluasan sekitar 6 kilometer persegi, ia terletak di pinggir Danau Kerinci dan di kaki Gunung Raya dengan penduduknya yang berjumlah lebih kurang 8 ribu orang. Bentuk alam sekitarnya yang bergunungan dan memiliki banyak kawasan tadahan air menjadi tempat yang paling sesuai untuk menaungi kehidupan flora dan fauna di Sumatera, termasuk spesis harimau belang sumatera (*panthera tigris sumatrae*).

Dari segi struktur kemasyarakatan, orang Kerinci secara tradisi tidak memiliki sistem beraja, sama ada seperti yang wujud di Minangkabau mahupun di Jawa. Setiap desa hanya dipimpin oleh seorang dipati sebagai ketua perlembagaan adat mengikut susur galur pihak perempuan (*matriarchal*) (lihat Yunasril Ali, et al. 2005). Ia masih kekal diamalkan sehingga sekarang. Dalam kegiatan hidup seharian pula, mereka merupakan penggiat sektor pertanian secara tradisional. Namun di samping menjadi petani dan penangkap ikan, sebahagian daripada mereka ada juga yang bekerja sebagai peniaga dan kakitangan kerajaan. Orang Kerinci memang terkenal sebagai kelompok masyarakat yang kukuh berpegang kepada prinsip syariat Islam. Walau bagaimanapun, mereka juga masih mengekalkan

kepercayaan tradisi warisan nenek moyang. Warisan ini termasuk hal-hal yang bersifat magis atau berkait dengan animisme, yang turut memperlihatkan hubungan sinkretis dengan elemen-elemen kepercayaan yang terdapat dalam agama Hindu, Buddha dan Islam (Hebransyah, et al. 2013).

## **Konsep Tradisi Lisan**


Pada dasarnya, apa sahaja bentuk ekspresi lisan sesuatu budaya, yang di dalamnya termasuk cerita lipur lara, cerita jenaka, kisah mitos, legenda, peribahasa, pantun, mantera, ungkapan adat, nyanyian, tarian, drama, permainan, bahasa isyarat, dan sebagainya yang wujud dalam konteks rakyat (*folk*), merupakan pernyataan sastera yang dipanggil tradisi lisan. Tradisi lisan ialah sebuah kebudayaan yang diwariskan melalui aspek kelisanan (*oral tradition*), di mana aspek kelisanan ini sangat dikedepankan, baik dalam komunikasi sehari-hari mahupun dalam komunikasi untuk kegiatan yang lebih formal seperti upacara adat (Muhammad Takari, 2013). Dengan itu, salah satu aspek penting tradisi lisan ialah kedudukannya sebagai alat dan kaedah komunikasi. Dalam hal ini, komunikasi dianggap mempengaruhi proses dan hasil pemikiran sesuatu kelompok masyarakat, di mana proses pemikiran dipengaruhi oleh cara bagaimana pemikiran itu dikomunikasikan.

Oleh kerana komunikasi lisan cukup primordial sifatnya, ia sering dilihat sebagai mewakili bentuk dan sifat tradisi lisan itu sendiri. Bentuk dan sifat komunikasi lisan yang secara bersemuka menzahirkan masyarakat yang rapat ikatan sosialnya. Dengan erti kata lain, kekelompokan masyarakat awal (tradisional) diperkukuhkan oleh situasi kelisanan tersebut (lihat Noriah, 2013). Kecenderungan individu dimalapkan, malah ketetapan secara berkelompok ataupun mengikut persetujuan majoriti digunakan untuk mengawal pemikiran dan tingkah laku individu dalam kelompok berkenaan. Hal ini jelas sebagaimana yang diperkatakan oleh Dorson (1973) yang melihat tradisi lisan dalam rupa adat istiadat (*social folk custom*) yang diwarisi secara turun-temurun. Ia merupakan aspek kelisanan yang memperlihatkan serta menjalinkan bentuk-bentuk perkongsian dalam kegiatan hidup yang wujud sebagai aturan-aturan sosial.

Justeru, pemikiran ahli-ahli kelompok akan lebih berorientasikan tradisi nenek moyang yang diwarisi secara bersama. Hal yang demikian menjadikan sastera lisan lebih bersifat sebagai

pengulangan tradisi kerana ia wujud dalam situasi kebudayaan yang lebih menginginkan perkongsian dan persamaan (egalitarian). Dalam budaya ini, segenap rupa kesamaan, keselarian, perulangan, dan stereotaip dalam sastera lisan merupakan ciri yang lahir daripada penetapan konvensi budaya, bukan kerana ketandusan kreativiti dan intelektual dalam kelompok masyarakat terbabit (Noriah, 2013). Sebaliknya, hasil budaya lisan Melayu amat ketara menampilkan sifat pemikiran yang tajam dan kritis. Bermula dengan bentuk sastera yang mudah, seperti seloka atau mantera sehingga kepada bentuk yang lebih panjang seperti cerita mitos dan legenda; kebijaksanaan pemikirannya terpancar melalui kehalusan refleksi orang Melayu tentang alam, kehidupan dan kematian. Dalam kes ini, tradisi lisan orang Kerinci seperti kisah mitos Bujang Nunggal yang berkahwin dengan Puteri Harimau Pasemah, merupakan penzahiran ketajaman pemikiran untuk menanggapi orde sosial dalam kehidupan bermasyarakat. Kisah mitos yang diwarisi dan disebarkan menerusi komunikasi verbal yang bersifat kolektif dan fungsional, berperanan menegaskan sumber pengajaran dan panduan orang terdahulu tentang kebenaran fakta sosial yang harus diakui. Fakta sosial itu menghubungkan kembali ingatan tentang sejarah asal-usul kelompok mereka.

Harimau dalam tradisi lisan orang Kerinci adalah sebuah fakta sosial yang hidup dalam memorisasi asal-usul kelompok mereka. Pemahaman orang Kerinci tentang mitos harimau, selari dengan pemaknaan mereka pada alam itu sendiri. Karakter harimau yang tangkas serta cergas memberikan suatu inspirasi – sebagai simbol kuasa alam – yang bermanfaat bagi keperluan sosial mereka. Dengan terciptanya mitos Bujang Nunggal sebagai karekter tokoh protagonis, telah memulakan hubungan persanakan manusia Kerinci dengan harimau. Bagi mereka, harimau dipersonifikasi sebagai ‘orang tua’ (nenek) yang dihormati. Kehadirannya dianggap sebagai watak bijaksana yang ikut terlibat dalam memperkukuh hubungan sosial masyarakat. Kedudukannya disetarakan dengan ahli lembaga adat. Harimau dijadikan model panduan kerana sepanjang sejarah mereka tidak pernah mempunyai raja yang patut dicontohi. Justeru, tidak hairan apabila karakter harimau dijadikan model tokoh karismatik yang tegas dan konsisten dalam menentukan hukuman dan peraturan, lebih-lebih lagi jika dibandingkan dengan karakter manusia yang kurang konsisten, malah cenderung pula kepada kronisme dan nepotisme ketika membuat keputusan atas nama ‘kepentingan’ masyarakat.



**Rajah 1:** Hubungan tradisi lisan Kerinci dalam pernyataan ritual yang memberikan makna pada orde sosial masyarakat mereka.

Ternyata bahawa tradisi lisan orang Kerinci dapat dikatakan sebagai suatu alat komunikasi yang sangat berguna untuk pesan-pesan sosial, di mana pesan sosial itu pula amat diperlukan dalam soal menstrukturkan hubungan masyarakatnya (lihat **rajah 1**). Pengkisahan mitos harimau dituang ke dalam acuan ritual untuk dijadikan penegasan tentang pemahaman mereka tentang kuasa harimau dalam kehidupan sosial dengan fungsinya untuk menjaga ketertiban sosial dan struktur adat. Secara zahirnya, ritual tersebut kelihatan sebagai perlakuan animisme masyarakat tradisional. Hal ini kerana orang Kerinci menjadikan objek alam (binatang harimau) sebagai penterjemahan sikap ritual yang terhasil menerusi pemerhatian dan pengeksploitasian mereka pada sumber alam. Menerusi mitos, spesis harimau (*panthera tigris*) diberikan sifat-sifat manusiawi lalu dianggap sebagai nenek moyang mereka. Sehubungan itu, diatur pula pelbagai adat yang berkaitan dengan haiwan tersebut.

Walau bagaimanapun, wujudnya hubungan antara ritual dan mitos bagi orang Kerinci dengan spesis harimau adalah seperti yang pernah dikatakan oleh Radcliffe-Brown (1965). Sesuatu kumpulan manusia – seperti orang Kerinci sendiri – inginkan anggotanya menunjukkan sikap yang tertentu terhadap sesuatu objek alam, dengan melibatkan rasa hormat menerusi mod tingkah laku tradisi seperti yang telah diajar oleh generasi awal mereka. Justeru, mereka perlu memiliki perlakuan tertentu yang dipanggil oleh Radcliffe-Brown sebagai sikap ritual. Bagi Radcliffe-Brown, mereka hanya akan memiliki semangat perpaduan, jika semangat itu merupakan objek perasaan (simbol) yang tertanam dalam jiwa dan difahami bersama. Untuk mengekalkannya, ia sesekali perlu dizahirkan beramai-ramai, dengan cara merutinkannya dalam suatu ritual yang difahami dan diterima secara kolektif.

## **Bujang Nunggal dan Puteri Harimau Pasemah: Tradisi Lisan Kerinci**

Di bawah ini diperturunkan suatu ringkasan naratif tradisi lisan orang Kerinci di Pulau Tengah tentang mitos asal bermulanya hubungan dan pertalian kekeluargaan mereka dengan susur galur keturunan harimau yang berasal dari Negeri Pasemah. Dalam kisah mitos harimau, Negeri Pasemah ialah sebuah negeri yang dikatakan terletak di Gunung Raya, iaitu gunung yang tertinggi di Banjaran Barisan, Sumatera. Kisah mitos ini telah dituturkan oleh Harun Pasir pada tahun 2007:

Pada zaman dahulu, ada seorang lelaki di Kerinci yang bernama Bujang Nunggal yang baharu berkahwin. Pada masa itu, isterinya yang sedang hamil sering mengikut Bujang Nunggal pergi ke ladang di kaki Gunung Raya. Pada suatu hari ketika di ladang, isterinya telah dihampiri oleh seekor harimau. Oleh kerana takut isterinya dibaham harimau, Bujang Nunggal telah membaling sebilah keris mengenai badan harimau itu. Dengan kesakitan yang amat sangat, harimau tersebut kemudian lari ke hutan. Selang beberapa waktu, Bujang Nunggal pergi berburu rusa bersendirian dengan memasuki kawasan hutan belantara untuk memenuhi keinginan isterinya yang mengidam hendak makan daging rusa. Dalam masa perjalanan berburu rusa, Bujang Nunggal terjumpa dengan seseorang yang tidak dikenali yang mendakwa dirinya sebagai hulubalang Raja Negeri Pasemah. Hulubalang itu meminta pertolongan Bujang Nunggal mengubati Puteri Raja Negeri Pasemah yang cedera tertikam keris. Menurut hulubalang itu lagi, Raja Pasemah telah berjanji bahawa sesiapa yang dapat mencabut keris tersebut akan dikahwinkan dengan puterinya dan dihadiahkan pula dengan harta yang melimpah.

Bujang Nunggal menyatakan bahawa dia bersedia untuk mengubati puteri raja. Setelah melalui perjalanan yang cukup jauh dan melelahkan, Bujang Nunggal akhirnya sampai ke Negeri Pasemah bersama hulubalang itu. Di sana, ia disambut oleh Raja dengan senang hati. Kemudian Raja mempersilakan Bujang Nunggal masuk ke istana untuk melihat keadaan puterinya yang sedang sakit. Semasa Bujang Nunggal memasuki bilik untuk melihat keadaan Puteri Raja, ia terperanjat melihat keris yang tertusuk pada tubuh puteri itu adalah kerisnya sendiri – yang pernah digunakan untuk menikam harimau tempoh hari. Setelah termenung sejenak, Bujang Nunggal merasa sedih dan menyesal kerana merasa telah berbuat salah terhadap sesama makhluk Tuhan. Setelah itu, Bujang Nunggal pun mencabut keris yang



tertusuk pada tubuh Puteri Raja dengan mudah. Raja amat kagum dan gembira melihat kehebatan Bujang Nunggal, seolah-olah Bujang Nunggal adalah orang yang benar-benar memiliki ilmu kesaktian. Hal ini kerana memang tidak ada seorang pun yang dapat mencabut keris tersebut sebelumnya. Oleh kerana Bujang Nunggal telah menyelamatkan nyawa anakandanya, Raja meminta agar Bujang Nunggal bersetuju untuk berkahwin dengan puterinya dan berhak pula menerima harta seperti yang telah dijanjikan.

Dengan permintaan tersebut, Bujang Nunggal merasa serba salah, oleh kerana dia sudah beristeri. Walau bagaimanapun, Bujang Nunggal kemudian telah menerima permintaan Raja kerana terdorong oleh rasa kekesalannya menikam keris ke badan puteri itu. Bujang Nunggal berasa bahawa dia harus bertanggung jawab terhadap segala perbuatannya. Justeru, dia melihat perkahwinan itu sebagai penebus dosa yang harus dibayar dengan cara berbudi bahasa, iaitu seperti kata orang-orang tua 'hutang emas dibayar dengan emas, hutang nyawa dibayar dengan nyawa, hutang budi dibawa mati'.

Dengan demikian, Bujang Nunggal telah memiliki dua orang isteri. Seorang isterinya berada di kampung di kaki Gunung Raya, dan seorang lagi berada di puncak Gunung Raya. Untuk sampai ke Negeri Pasemah di puncak gunung tersebut, seseorang itu mesti melalui tujuh buah sungai, iaitu sungai Tapang (tempat), sungai deras, sungai tenang, sungai kering, sungai darah, sungai nanah, dan akhirnya sungai susu. Suasana dan bentuk Negeri Pasemah yang didiami harimau tidak ada perbezaannya dengan negeri manusia. Mereka juga hidup dengan adat-istiadat yang tersendiri.

Setelah beberapa tahun, Bujang Nunggal memperoleh seorang anak lelaki hasil perkahwinannya dengan puteri raja. Oleh kerana terlalu lama tinggal di Negeri Pasemah, dia rindu hendak pulang ke kampung halaman dan ingin menemui isterinya yang berada di kaki Gunung Raya. Bujang Nunggal bermohon kepada Raja untuk pulang ke kampung dengan membawa bersama anaknya dan juga Puteri Raja. Raja Pasemah tidak keberatan untuk memberikan keizinan. Namun begitu, Raja telah berpesan kepada puterinya; jika berasa haus hendak minum air di sungai, maka hendaklah diambil daun kayu sebagai cawan ganti bekas minuman, dan dipantangkan minum air dengan cara langsung menggunakan mulut. Jika pantang itu dilanggar, puteri raja akan berubah, iaitu kembali kepada asalnya menjadi harimau. Ketika dalam perjalanan menuju ke kampung Bujang Nunggal di Desa Pulau

Tengah, Puteri Raja telah melanggar pantang tersebut dengan meminum air di Sungai Tapang menggunakan mulutnya. Akibatnya, Puteri Raja kembali menjadi seekor harimau. Dengan demikian, Puteri Raja bersama anak lelakinya terpaksa kembali ke Negeri Pasemah meninggalkan Bujang Nunggal yang tetap ingin pulang ke kampung menemui anak isterinya yang telah ditinggalkan selama tujuh tahun.

Justeru, Bujang Nunggal mempunyai dua orang anak lelaki yang berlainan ibu. Seorang daripada anak lelakinya berketurunan harimau di Negeri Pasemah, manakala seorang lagi berketurunan manusia biasa yang hidup di Desa Pulau Tengah. Kedua-dua orang anaknya hidup terpisah, di mana seorang hidup di hutan belantara, dan seorang lagi tinggal di kampung. Setelah dewasa mereka bertemu, dan oleh kerana tidak saling kenal-mengenal, maka terjadi pergaduhan di antara kedua-dua bersaudara itu. Ia menyebabkan kaki anak Bujang Nunggal yang hidup di hutan terkena libasan pedang yang tajam sehingga menjadi kudung. Ekoran itu, ia digelar dengan nama 'harimau tingkis' (harimau tempang).

Dengan adanya permusuhan antara dua orang bersaudara itu, Bujang Nunggal sebagai bapa telah membuat suatu perjanjian damai. Dalam perjanjian tersebut, harimau tingkis diminta agar tidak menyimpan dendam, malah sanggup hidup saling menjaga di antara satu sama lain. Sekiranya ada anak cucu keturunan harimau tingkis yang terluka atau mati di hutan, penduduk di desa perlu mengadakan upacara menghormati kematian harimau itu yang disebut sebagai 'luko bapampah, matai mambangun' (luka dipampas, mati membangun). Apabila perjanjian dan pantang-larang harimau tidak dijaga, maka harimau yang hidup di hutan akan mengganas turun ke kampung. Perjanjian ini telah mengekalkan ritual 'ngageng imo' (mengagah harimau) sebagai menghormati ikatan persanakan pada harimau yang dianggap sebagai nenek moyang orang Kerinci daripada sebelah jurai keturunan 'moyang tingkai pamangku Gunung Rayo' (moyang harimau tempang pemangku Gunung Raya).

### **Mitos Harimau dan Pesan Sosial dalam Komunikasi Ritual**

Salah satu fungsi mitos yang penting ialah untuk membangunkan suatu model perlakuan ideal dalam masyarakat. Dengan memperagakan mitos, anggota masyarakat merasakan bahawa mereka dekat dengan tradisi lampau, dengan mempertegaskan model perlakuan ideal yang

sepatutnya diteladani oleh anggota masyarakat tersebut (lihat Eliade, 1963). Dalam konteks ini, jelas sekali bahawa kisah Bujang Nunggal yang berkahwin dengan Puteri Harimau Pasemah merupakan suatu mitos yang dibentuk menerusi tradisi lisan orang Kerinci. Mitos itu dianggap penting dalam menekankan tentang soal pandangan hidup mereka, serta bagaimana mereka menstrukturkan kod-kod etika dan moral dalam masyarakat. Walaupun dengan pelbagai variasi dan versi penceritaan, mitos harimau meletakkan garis-garis asas ke dalam pandangan dan pesan sosial bagi tujuan perpaduan anggota masyarakat. Dalam hal ini, kisah Bujang Nunggal dimanifestasikan ke dalam bentuk ritual ‘mengagah harimau’. Ia merupakan rentetan mitos yang dilihat mempunyai hubungan sebab akibat terhadap perlakuan ritual sebagai suatu gambaran tentang latar kehidupan dan kepercayaan tradisi orang Kerinci.

Ritual mengagah harimau, ialah sejenis ritual persembahan yang dilakukan untuk memperingati kematian harimau di daerah Kerinci, sama ia mati atas sebab semula jadi mahupun atas sebab perbuatan manusia. Dengan erti kata lain, ritual ini bertujuan untuk menghormati kematian harimau kerana orang Kerinci percaya bahawa binatang tersebut dianggap sebagai ‘orang tua’ yang dihormati dan ditokuhkan dalam masyarakat mereka. Ia bertindak sebagai memorisasi mitos perjanjian yang telah disepakati antara orang Kerinci dengan harimau berdasarkan pola hukum adat yang telah mereka sepakati, iaitu seperti yang pernah disebutkan dalam pepatah ‘luko bapampah matai mambangun’ (luka berpampas, mati membangun) sebagaimana yang telah disebutkan menerusi tradisi lisan mereka. Dalam hal ini, sekiranya ada seekor harimau yang ditemui mati di hutan, orang Kerinci akan membawa bangkai harimau itu pulang ke kampung untuk diadakan ritual membayar pampasan dengan menggunakan mantera sebagai alat komunikasinya (Harun Pasir, 2007).

Selain pemakaian mantera, terdapat beberapa syarat dalam bentuk material yang perlu dipenuhi sebagai kelengkapan untuk diletakkan di hadapan harimau yang mati. Syarat ini adalah sebagai simbol pengganti bahagian anggota tubuh badan harimau yang dikatakan hilang atau rosak, iaitu:

- hilang taring digantikan dengan sebilah keris telanjang (keris tanpa sarung),
- hilang belang digantikan dengan tiga helai kain berwarna hitam, merah dan putih,

- hilang kuku digantikan dengan sebilah pedang
- hilang ekor digantikan dengan sebatang tombak
- hilang mata digantikan dengan sebetuk kaca, cermin atau sebarang benda keras yang berkilau,
- hilang suara (kerana ia sudah mati) digantikan dengan ‘tarawok’, iaitu gendang yang diperbuat daripada upih pinang bersama gendang daripada kulit lembu.

Bangkai harimau diletakkan pada suatu tempat yang tinggi di atas panggung, dan disangga dengan kayu sehingga kedudukannya tegak berdiri seolah-olah masih hidup. Ritual akan dimulai dengan pukulan ‘tarawok’ yang diletakkan di atas permukaan tanah yang dilubangi sedalam satu kaki dan lebarnya juga satu kaki. Tarawok menjadi alat penghubung di antara dunia manusia di kampung dengan dunia harimau yang berada jauh di hutan belantara di Gunung Raya. Pukulan tarawok dialun dengan dua bilah kayu pemukul secara berterusan. Ia bertujuan untuk memanggil semangat harimau dalam ikhtiar menyampaikan pesanan bersama kata mantera yang puitis bahawa persembahan yang diadakan itu adalah untuk memenuhi perjanjian damai yang pernah dibuat pada masa dahulu oleh nenek moyang mereka bersama kelengkapan yang telah ditentukan sebagai alat pampasannya (ganti rugi). Dalam kes ini, harimau dikatakan mendengar persembahan kerana memiliki ‘telinga tanah’, iaitu dalam erti kata harimau yang berada jauh di hutan akan mengetahui apa yang dilakukan oleh manusia yang tinggal di kampung (Harun Pasir, 2007).

Apabila alat-alat pengganti bahagian anggota badan harimau telah tersedia, seorang pawang akan mengetuai upacara untuk membacakan mantera. Secara praktikal, mantera ini berfungsi sebagai pengantara untuk menyeru semangat harimau yang berada di Gunung Raya. Berikut adalah mantera yang dibacakan:

*Bismi`Llāhi `l-Rahmāni `l-Rahīm*

Hu...Ninak Munyo Tingkaih  
Pamangkau Gunea Rayo  
Ngan di serau cepak datao  
Tarawok mayampai baritea  
Tarawok manyempuk tabawoak  
Datao sahai kilak, sahai guntew  
Sekali tepak taringok hangak

Manyaksikan kamai mambaye bangiew

Anak cuculah sio-sio  
Puyang kayo lah mahincok-hincok  
Sio-sio huto tumbewh  
Basilak negeri kaloh

Pancang lamo idoak boleh guyoah  
Cermaid idoak boleh kabew  
Kato dahulu kato dicarai  
Kemudian kato dicarai

Pamangku bakato  
Lah tapanco lambeng  
Lah tapanco baceng  
Huto lepah gade tapulo  
Silang sangkito huto seleso  
Kita hiduk saling manjagea

Arok....

Terjemahan:

*Bismi`Llāhi`l-Raḥmāni`l-Raḥīm*

Hu...Nenek Moyang Tingkis  
Pemangku Gunung Raya  
Yang diseru cepat datang  
Tarawok menyampaikan berita  
Tarawok menjemput terbawa  
Datang sehari kilat, sehari guntur  
Sekali tepuk telinga hangat  
Menyaksikan kami membayar bangun

Anak cucu telah sia-sia  
Poyang anda telah membuat kecoh  
Sia-sia hutang tumbuh  
Bersilat negeri kalah

Pacak lama tidak boleh goyah  
Cermin tidak boleh kabur

Kata dahulu kata dicari  
Kemudian kata dicari

Pemangku berkata  
Telah terpancang lambang  
Telah terpancang bacaan  
Hutang lepas gadai terpulang  
Silang sengketa hutang langcai  
Kita hidup saling menjaga

Maju... (ke depan)

Mantera ritual mengagah harimau ini adalah sejenis puisi tradisional yang berbentuk talibun. Talibun ialah sejenis puisi yang tidak terikat dengan pola dan bentuk, tetapi biasanya hanya memerlukan beberapa larik atau rangkap yang berurutan untuk menyatakan keseluruhan idea. Ia selalu dianggap sebagai rangkap-rangkap pemerian dalam karya-karya naratif yang berbentuk prosa (Zalila & Jamilah, 1993). Dalam menzahirkan keseluruhan idea menerusi rangkap-rangkapnya, mantera berkenaan turut dilihat sebagai aksi verbal yang bukan sahaja berkait dengan unsur-unsur magis, malah berperanan menggerakkan fikiran manusia untuk bertindak ke arah kesempurnaan, kemajuan dan kebaikan sosial dan etika. Dalam kes ini, ia tidak silau-silu memberikan gagasan, contoh dan petunjuk ke arah jalan bagaimana manusia dapat menjadi lebih baik (Muhammad Haji Saleh, 2006).

Dalam penyampaian mantera, bahasa yang digunakan adalah bercirikan bahasa perlambangannya yang rapat sekali hubungannya dengan keseluruhan nilai estetika atau keindahan bahasa. Fungsi dan peranan yang dimainkan mantera akan kelihatan menerusi puitika bahasa perlambangannya sebagai medium komunikasi dengan memperlihatkan suatu susunan gambaran idea yang mewakili penciptaan, di mana setiap lambang akan mewakili pernyataan pemikiran masyarakat tersebut (lihat Wan Akmal, 2005). Pada dasarnya, lambang adalah tanda yang memiliki hubungan dengan objek atau sesuatu yang telah ditentukan menurut kebudayaan bagi sesebuah masyarakat. Dalam konteks mantera seperti ini, simbol tidak hanya terhad kepada apa yang ada pada bahasa atau kata yang diucapkan sahaja, malah ia meliputi suasana, cara hidup, pengamal dan juga peralatan yang digunakan (Haron, 2001).

Mantera ritual mengagah harimau boleh difahami sebagai pengukuhan deklarasi atau perisytiharan yang berasal daripada satu konsensus antara manusia dengan harimau dalam menyelesaikan satu konflik perhubungan kekerabatan seperti yang berlaku dalam mitos Bujang Nunggal (lihat Hebransyah, et al. 2013). Dengan menggunakan bahasa puitika, keberadaan mantera sebagai alat pengukuhan deklarasi tersebut akan dapat diselongkar, di mana di sebalik bahasa perlambangan mantera yang berasaskan elemen-elemen alam orang Kerinci, memperlihatkan beberapa hal yang berkait rapat dengan penyampaian pesan sosial yang dipegang oleh anggota masyarakat sebagai tradisi dan pengaturan adat yang diteruskan sejak dahulu kala.

Susunan ayat dalam mantera mengagah harimau yang disampaikan berfungsi dalam meneladani pembentukan perlakuan moral dan etika anggota masyarakat. Pesan sosial yang terkandung dalam mantera itu merujuk kepada pola ideal perlakuan orang Kerinci dalam konteks pengaturan adat yang mesti mengarah kepada pemahaman tentang hak dan kewajiban. Kehadiran ‘moyang tingkis’ yang dianggap kedudukannya setaraf dengan anggota lembaga adat perlu dihormati secara simbolik. Dalam usaha untuk menyampaikan maksud dan tujuan secara halus sebagai pengukuhan perjanjian yang pernah dibuat di antara manusia dan harimau, orang Kerinci tidak melihat harimau sebagai binatang buas, sebaliknya sebagai nenek moyang, atau disebut sebagai orang tua yang digelar ‘nenek pemangku Gunung Raya’. Kehadirannya di sisi kehidupan masyarakat sampai sekarang masih kekal dipanggil sebagai ‘orang tua’ atau ‘nenek moyang yang hidup di hutan belantara’.

Kata-kata simbolik yang wujud dalam mantera mengagah harimau pada dasarnya merupakan ungkapan kata-kata adat yang selalu disebutkan dalam kegiatan adat istiadat. Contohnya, kata ‘datang sehari kilat, sehari guntur’ membawakan pengertian tentang aspek masalah yang dihadapi oleh anggota masyarakat mesti diselesaikan dengan seberapa segera, serta diringi pula dengan semangat laksana kuatnya dentuman guntur di langit. Setiap masalah dan krisis yang berlaku dalam masyarakat, walau apapun mesti diselesaikan dengan segera pada masa itu juga, dan jangan ditunggu sehingga menjadi dingin (sejuk) atau dengan erti kata mudah tidak dipedulikan lagi, sebagaimana yang telah dinasihatkan menerusi kata ‘sekali tepuk telinga hangat’. Dalam penyelesaian terhadap setiap isu yang timbul adalah pasti dengan usaha dan kesabaran. Hal ini kerana, ‘sia-sia hutang tumbuh, bersilat negeri kalah’, merupakan suatu gambaran

kesia-siaan dan kejelikan dalam menyelesaikan masalah jika dengan tidak cara bersabar. Kurangnya sabar menandakan perbuatan dilakukan itu akan sia-sia dan akhirnya tidak membawa faedah kepada sesiapa pun.

Dalam proses pengaturan hukum adat, pesan sosial dalam susunan kata-kata mantera dapat diperhatikan sebagai aturan etika dan moral yang patut dipegang anggota masyarakat. Penyelesaian sesuatu isu, seperti menurut ungkapan adat ‘pancak lama tidak boleh goyah, cermin tidak boleh kabur’, wujud dalam penegasan sikap terhadap hukum adat yang menjadi suatu lambang kekukuhan adat, dan tidak boleh diubah sewenang-wenangnya. Sama ada hukum adat tersebut telah difahami atau pun tidak oleh anggota masyarakatnya, dalam usaha untuk menyelesaikan masalah, kebenaran tentang hukum adat tidak perlu dicari-cari sebagai alasan untuk mengelakkan dari permasalahan yang ada. Justeru, penyelesaian isu lebih utama berbanding kepentingan lain. Sebagaimana yang didapati dalam hal memperoleh hak dan kewajiban anggota masyarakat, perlakuan seperti ini dianalogikan dengan ungkapan ‘hutang lepas gadai terpulang’, di mana bagi sesiapa yang berhutang maka wajib membayar dan piutang pula wajib ditagih. Dengan adanya ‘sikap saling jaga menjaga’ dan memahami apakah kedudukannya di antara hak dengan kewajiban, pemahaman tentang sikap seumpamanya menjadi landasan penting bagi orang Kerinci untuk menzahirkan keseimbangan dan keharmonian dalam usaha untuk memelihara orde sosial mereka.

Konsep pemikiran yang kritis seperti inilah kelihatan jelas dalam ungkapan-ungkapan mantera yang dikemukakan menerusi ritual mengagah harimau, di mana dapat dilihat bahawa keseluruhan proses ritual tersebut wujud sebagai suatu deklarasasi terhadap hubungan sejarah asal-usul mereka untuk mencipta keseimbangan hidup dalam konteks memelihara orde sosial dalam nuansa tradisi lisan – yang diperturunkan melalui kisah mitos Bujang Nunggal. Impak ritual ini secara simbolik telah diyakini oleh orang Kerinci sebagai satu pengukuhan kebenaran pengaturan hidup yang cukup efektif berfungsi sebagai pembawa pesan sosial dalam memperkukuhkan perpaduan hubungan sosial anggota masyarakatnya.

Penekanan pada hubungan antara mitos Bujang Nunggal dengan ritual mengagah harimau terletak pada proses penyelesaian konflik di antara dua orang bersaudara yang asal-usul jurai keturunannya adalah berbeza. Momentum ini merupakan klimaks jalan



cerita (plot) yang telah dimanipulasi sedemikian rupa oleh penyusun mitos, yaitu nenek moyang orang Kerinci yang cukup bijak membaca fenomena alam kehidupan mereka, sehingga mitos harimau dalam perjalanannya sebagai sejarah lisan telah menjadi kepercayaan tradisi turun-temurun. Dari sudut pandangan dunia orang Kerinci, Bujang Nunggal dikenal sebagai simbol keperibadian yang bijaksana selari dengan keperluan adat resam mereka. Simbol ini tentunya sesuai dengan latar belakang kehidupan orang Kerinci yang sepanjang sejarahnya tidak pernah beraja dan tidak pula pernah berperang antar suku. Mereka membina kehidupan sosial dengan cara berdamai dan berdampingan di antara suku yang satu dengan yang lain. Gambaran kearifan dan perdamaian kelihatan dalam peranan yang dimainkan tokoh protagonis Bujang Nunggal dalam menangani konflik. Dengan demikian, ia telah menyajikan satu sifat kearifan seorang tokoh yang boleh menjadi contoh dan turut diteladani oleh orang Kerinci.

Kepercayaan orang Kerinci yang menerima harimau sebagai unsur alam yang memiliki hubungan istimewa dalam kehidupan manusia memang dianggap unik. Dalam kes ini, harimau menjadi simbol atau lambang yang memberikan makna penting kepada kewujudan dan perkaitan identiti mereka dengan simbol berkenaan. Simbol seperti ini berhubungan dengan mitos asal-usul sesuatu kumpulan masyarakat (*clan*), di mana ia bertujuan untuk memberikan kesedaran tentang asal-usul keturunan serta menyediakan mereka dengan solidariti dan identifikasi kumpulannya (Haviland, 1975). Radcliffe-Brown (1931) pernah melihat gejala ini sebagai suatu konsep yang membentuk ikatan secara konvensional sehingga kumpulan masyarakat itu dapat hidup dan berkembang berdasarkan kepercayaan pada identitinya sebagai rujukan ikatan kekerabatan mereka.

Dalam sifat yang harmonis dan romantis, harimau tidak dilihat sebagai haiwan liar yang mengancam nyawa, tetapi pelengkap dalam mencapai kesejahteraan hidup. Lahirnya konsep keharmonian perhubungan kehidupan alam manusia dan alam harimau, terbentuk sejak masa lalu menerusi tradisi lisan Bujang Nunggal yang mengaitkan manusia dan harimau dalam konteks persanakan. Jurai keturunan harimau hidup di hutan bergelar nenek moyang tingkis pemangku Gunung Raya, sementara jurai keturunan manusia pula tinggal di kampung bergelar Mangku Raja (Harun Pasir, 2007). Tradisi lisan asal-usul harimau persanakan manusia dengan harimau dianggap oleh orang Kerinci di Desa Pulau Tengah memiliki nilai sejarah yang

perlu dikenang dan dipelihara sehingga ia menjadi satu memorisasi yang mereka kenangi dalam bentuk ritual mengagah harimau.

## **Kesimpulan**

Mitos harimau adalah tradisi lisan masyarakat Kerinci yang diwariskan oleh nenek moyang mereka yang hingga sekarang masih kekal sebagai cerita yang menghiburkan. Dalam mitos harimau dengan menampilkan pola karakter tokoh protagonis yang bijak merupakan satu refleksi kehidupan masyarakat Kerinci dalam memahami latar belakang alam kehidupan mereka. Karakter harimau yang mereka ambil sebagai model adalah penanda pemahaman mereka dalam mengisi kekosongan sejarah pentadbiran adat-istiadat mereka yang dikatakan tidak pernah mempunyai raja sebagai tokoh yang boleh dirujuk. Mengikut pandangan dan logika orang Kerinci, model harimau yang wujud dalam mitos merupakan personifikasi 'orang tua' ataupun 'nenek moyang' yang turut dilibat serta dalam menangani persoalan kehidupan.

Menerusi tradisi lisan mitos harimau dengan perlakuan ritual dan manteranya telah memberikan suatu sumbangan yang bererti dalam memperkukuhkan perpaduan kehidupan sosial masyarakatnya. Perpaduan ini dapat dirasakan dalam suasana ritual mengagah harimau sebagai wadahnya. Menerusi satu pemerhatian, ada beberapa aspek yang ikut terlibat dalam ritual mengagah harimau, iaitu melibatkan bidang seni tari, seni pencak silat, dan seni lagu, serta melibatkan suasana spiritual. Bomoh atau dukun dan anggota lembaga adat adalah orang yang terlibat langsung sebagai pelaksana ritual dan khalayak ramai adalah berperanan sebagai penikmat tradisi lisan tersebut. Terciptanya mitos yang kemudian wujud ke dalam bentuk ritual mengagah harimau, boleh dilihat sebagai karya sastera agung masyarakat tradisional. Harimau pada awalnya dipandang sebagai haiwan yang mengerunkan tetapi dengan memanupulasi karakter harimau menerusi tradisi lisan, sehingga harimau mereka pandang sebagai 'tokoh' yang dianggap sebagai simbol sebahagian kuasa alam yang ikut terlibat memperkukuhkan perhubungan sosial sesama mereka.

Dalam hal ini dapat difahami tradisi lisan mitos harimau ini telah memberikan impak yang cukup bererti yang memberikan fungsi informasi tentang keberadaan tradisi lisan, secara fizikal, iaitu; meliputi tentang konsep tradisi lisan, sejarah terciptanya mitos harimau dan

bentuk perlakuan ritual serta bentuk teks lisan mantera tersebut. Semua kegiatan tersebut telah memainkan peranannya sebagai alat komunikatif dalam bentuk kesenian tradisional masyarakat. Di mana hubungannya dengan pemikiran intelektual, mitos ini dengan segala perlakuannya telah membuahkan satu hasil tentang fakta-fakta sistem kepercayaan orang Kerinci yang memiliki peranan dalam menstrukturkan perpaduan kegiatan sosial masyarakat yang mempercayainya. Ringkasnya, manfaat yang dapat diambil dari perbicaraan tradisi lisan mitos harimau ini, yaitu telah memberi sumbangan bererti dalam rangka pengembangan wawasan pemikiran yang berkait rapat dengan pembentukan etika dan moral, rasa seni serta terhadap pandangan hidup. Keseluruhan nilai-nilai pendidikan ini, boleh dirujuk oleh orang Kerinci sebagai konsep dalam membina pola kehidupan sosial mereka menjadi masyarakat yang bertamadun.

\*\*\*\*\*

### **Bibliografi**

- Dedi Haryanto, et al. 2013. Gerak Tari Tradisional Mengagah Harimau di Desa Pulau Tengah Kabupaten Kerinci dalam Karya Lukis. *Serupa: The Journal of Arts Education*, 1(2), dalam proses cetakan.
- Dorson, R.M. 1973. *Folklore and Traditional History*. The Hague: Mouton.
- Eliade, M. 1963. *Myth and Reality*. New York: Harper & Row.
- Haviland, W.A. 1975. *Cultural Anthropology*. Orlando: Harcourt Brace & Company.
- Haron Daud. 2001. *Mantera Melayu: Analisis Pemikiran*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Hebransyah Usman, et al. 2013. Ritual Mengagah Harimau di Kerinci: Memahami Kearifan Tempatan dalam Pelestarian Alam. Kertas kerja dibentangkan dalam *Regional Conference on Local Knowledge 2013*, pada 6-7 Oktober 2013 di Sutera Beach Resort, Kuala Terengganu, Malaysia.
- Idris Djakfar Depati Agung. 2001. *Seri Sejarah Kerinci I: Menguak Tabir Sejarah di Alam Kerinci*. Kerinci: Percetakan Anda.

- Liskha Nurlidya. 2007. *Tari Mengagah Harimau dalam Upacara Kenduri Sko di Pulau Tengah Kecamatan Keliling Danau Kabupaten Kerinci: Tinjauan Koreografi*. Skripsi Universitas Negeri Padang, Indonesia.
- Muhammad Haji Salleh. 2006. *Puitika Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Takari. 2013. *Tradisi Lisan di Alam Melayu: Arah dan Pewarisannya*. Medan: Fakultas Ilmu Budaya, Universitas Sumatera Utara.
- Noriah Taslim. 2013. Mencari Akar untuk Berpaut: Menuai Kebijaksanaan Manusia Pratulisan. *Dewan Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 43(4), 20-27.
- Radcliffe-Brown, A.R. 1931. *Social Organization of Australian Tribes. Oceania Monograph No. 1*. Melbourne: Macmillan.
- Radcliffe-Brown, A.R. 1965. *Structure and Function in Primitive Society*. London: Cohen and West Limited.
- Swettenham, F.A. 1903. *Malay Sketches*. London & New York: John Lane.
- Winstedt, R.O. 1982. *The Malay Magician: Being Shaman, Saiva and Sufi*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Peletz, M. 1993. Knowledge, Power, and Personal Misfortune in Malay Context. Dalam C.W. Watson & Roy F. Ellen (ed.), *Understanding Witchcraft and Sorcery in Southeast Asia*. Honolulu: University of Hawaii Press, 149-177.
- Wan Akmal Wan Semara. 2005. *Unsur Puitika Dalam Puisi Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yunasril Ali, et al. 2005. *Adat Bersendi Syara Sebagai Fondasi Membangun Masyarakat Madani di Kerinci*. Jambi: STAIN Kerinci Press.
- Zalila Sharif, Jamilah Haji Ahmad. 1993. *Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Abidin bin Ahmad. 1922. The 'Akuan' or Spirit Friends. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, 86, 378-384.
- Zainal Abidin bin Ahmad. 1925. Dato' Paroi Were-tiger. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, 3(1), 74-78.

**Temubual**

Harun Pasir. 2007. Budayawan tempatan. Temubual diadakan di rumah beliau di Desa Pulau Tengah, Kerinci, Indonesia.